

SOALAN NO. : 11

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]

TARIKH : 02 DISEMBER 2015 (RABU)

RUJUKAN : DR066

SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah Kerajaan akan meneruskan cadangan yang telah disuarakan sejak 2002 untuk menjadikan Tapak Ramsar di Kuala Gula dalam Parlimen Bagan Serai demi masa depan konservasi alam sekitar yang lebih terpelihara dan maju serta dapat mengubah kehidupan rakyat di situ.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tapak Ramsar merupakan perjanjian antarabangsa untuk memelihara tanah-tanah lembap berkepentingan antarabangsa khususnya sebagai habitat burung air. Kuala Gula, Perak merupakan kawasan santuari burung yang menjadi tempat persinggahan burung-burung hijrah atau burung air migrasi yang menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara. Buat masa ini, kawasan tersebut belum diwartakan sebagai Tapak Ramsar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sentiasa mengalu-alukan mana-mana Kerajaan Negeri yang berminat untuk mencadangkan sesuatu kawasan yang bersesuaian untuk dijadikan Tapak Ramsar. Pewartaan sesuatu kawasan sebagai Tapak Ramsar, tidak menjejaskan aktiviti harian penduduk setempat, malah masih boleh diteruskan melalui konsep "*wise use*" seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Tanah Lembab Negara. Selain daripada itu, melalui pewartaan sebagai Tapak Ramsar, sesuatu kawasan itu akan menjadi tumpuan

pelancong kerana ia akan terkenal di peringkat antarabangsa dan memberi faedah secara tidak langsung kepada penduduk tempatan.

Sekian, terima kasih.